

Gangguan bekalan air di Kuantan bermula 9 pagi hingga 5 petang esok

BERNAMA

24-06-2024 07:28 PM



PENGURUSAN AIR PAHANG BERHAD

Logo Pengurusan Air Pahang Berhad - fotoBERNAMA

KUANTAN: Beberapa kawasan di daerah ini akan mengalami gangguan bekalan air berjadual bermula 9 pagi sehingga 5 petang, esok.

Pengurus Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) Kuantan Noor Izwan Bahudin dalam kenyataan hari ini memaklumkan ia susulan kerja-kerja henti tugas bagi pembaikan kejanggalan pada pemasangan talian atas 33kV (ABC) ke Loji Rawatan Air Panching oleh Tenaga Nasional Berhad.

Beliau berkata antara kawasan yang terlibat ialah Jalan Kuantan Bypass termasuk Permatang Badak, Kampung Pandan, Sungai Isap, Taman Bukit Rengin, Kampung Bukit Rengin, Kampung MPK, Kampung Chendering, Taman Desa Mesra dan kawasan sekitar.

Turut terjejas ialah Jalan Kuantan-Gambang termasuk Taman Sepakat, Kampung Batu 3, Tanah Putih, Kampung Razali Batu 3, Kampung Kurnia, Kampung Belukar, Kampung SC, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kampung Air Hitam, Sri Damai, Jaya Gading, Taman Guru, Taman Rasau Perdana, Kampung Teluk Mahang, Taman Tas, Taman Tas Ria, Pandan Damai 2, Pandan Jaya, Kampung Lubuk Puyu dan kawasan sekitar.

Kawasan lain yang turut mengalami gangguan ialah Kampung Seri Fajar, Kampung Mahkota, Taman Seriku, Taman Seri Mahkota Aman, Taman Mahkota Permai, Kem Batu 10, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dan kawasan sekitar serta Taman Inderapura, Taman Sri Damai Makmur, Taman Indera Sempurna, Inderapura Jaya, Perumahan Prima Penor Utara Jaya dan PP1AM Indera Sempurna.

Turut terjejas ialah Kampung Seri Melati, Kampung Batu Putih, Kampung Soi, Kampung Kempadang, Kampung Pahang, Taman Berjaya Permai, Kampung Sepat, Kampung Pak Mahat, Bandar Putra, Tanjung Lumpur, Sungai Belat, Kampung Penor, Penjara Penor, Kampung Semangat, Ubai, Cheruk Paloh dan kawasan berhampiran juga akan terlibat.

Seluruh Felda Panching Timur, Panching Utara, Panching Selatan, Kampung Pasir Kemudi, Kampung Ah Tong selain seluruh kawasan Paya Bungor, Paya Rambutan, Gedung Siam, Semuji Agro Resort, Jabatan Veterinar, Kampung Gelugur, Kampung Megat dan kawasan sekitar juga akan terjejas.

“Sehubungan itu, pengguna dinasihatkan supaya menyimpan air secukupnya,” kata Noor Izwan.